

Cuaca Diramal Baik Pada Penamaan Calon PRK Kuala Besut Esok - Meteorologi Bernama
11 Julai, 2013

KUALA BESUT, 11 Julai (Bernama) -- Cuaca dijangka cerah dan baik pada sebelah pagi pada hari penamaan calon pilihan raya kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Besut esok.

Bagaimanapun, Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia Che Gayah Ismail berkata ribut petir diramalkan melanda kawasan Kuala Besut pada sebelah petang dan malam.

"Aktiviti ribut petir pada sebelah petang kita mungkin boleh nampak bermula dari sekitar 1 tengah hari," katanya kepada Bernama di sini, hari ini.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan esok sebagai hari penamaan calon PRK DUN Kuala Besut yang akan diadakan di Kompleks Rakan Muda Kampung Raja di sini, manakala 24 Julai sebagai hari pengundian.

Barisan Nasional (BN) mengumumkan anak tempatan Tengku Zaihan Che Ku Abd Rahman, seorang jurutera awam Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sebagai calon menggalas cabaran mengekalkan penguasaan BN manakala PAS menamakan Endot@Azlan Yusof, seorang kontraktor sebagai calon parti itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=962520>